

**SENARAI PROJEK / PROGRAM PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN 2015-2016  
DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

	Tajuk	Fokus WPA 21			Objektif & Sasaran / KPIs	Keterangan Ringkas
		Dasar	Struktur Organisasi	Pelaksanaan Organisasi		
<b>KEMENTERIAN PENDIDIKAN</b>						
<b>JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN</b>						
1	<i>Talent Pipeline</i>			✓	<p><b>OBJEKTIF</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Merangka <i>Human Resource Competency Framework</i> (HRCF) iaitu kompetensi utama (<i>core competency</i>) dan kompetensi teknikal (<i>technical competency</i>) berdasarkan kepada kajian yang dijalankan di Kementerian Pendidikan melalui khidmat konsultasi.</li> <li>Mengenal pasti dan merangka <i>competency assesment tools</i> bagi menilai dan mengukur tahap kompetensi</li> <li>Mensosialisasikan HRCF dan <i>assesment tools</i> kepada seluruh warga Kementerian Pendidikan</li> <li>Memastikan HRCF dan <i>assesment tools</i> digunakan di seluruh Kementerian Pendidikan</li> </ul> <p><b>SASARAN</b> Pegawai di dalam tangga gaji bahagian II atau yang sebanding dengannya ke atas.</p>	Didalam memastikan Kementerian Pendidikan mempunyai pegawai - pegawai kanan yang dapat menerajui kepimpinan pentadbiran bagi mencapai misi dan visi Kementerian, sebuah projek yang dinamik iaitu <i>talent pipeline</i> telah dirangka bagi mengenalpasti, dan menilai perkembangan bakat secara bersistematik bagi peranan-peranan dan jawatan yang penting dan seterusnya memastikan kesinambungan kecekapan dan keberkesanaan seseorang pemimpin.
<b>JABATAN PERKEMBANGAN KURIKULUM</b>						
2	Standard Kebangsaan Literasi dan Numerasi			✓	<p><b>OBJEKTIF</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Mewujudkan tahap eksipitasi negara dalam pencapaian Literasi dan Numerasi Pelajar</li> <li>Memberikan maklumat yang berguna sebagai rujukan dalam penyediaan dasar, peruntukan sumber dan pembaharuan</li> <li>Meningkatkan pemahaman guru terhadap kemahiran membaca dan mengira dan mengesan kemajuan pelajar</li> <li>Membantu pelajar dalam mengesan kemajuan mereka sendiri.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Projek ini adalah salah satu usaha Kementerian Pendidikan dalam meningkatkan kualiti pendidikan Negara mengikut kehendak dan keperluan semasa.</li> <li>Jabatan Perkembangan kurikulum telah mewujudkan Standard Kebangsaan Literasi dan Numerasi dengan mengambil kira standard antarabangsa seperti <i>Wales Literacy and Numeracy Framework, Common European Framework of Reference for Languages</i> dan <i>Program for International Student Assessment (PISA)</i></li> <li>Para pelajar akan dinilai melalui penilaian diagnostik dan seterusnya diberikan bantuan intervensi selaras dengan kehendak standard yang telah ditetapkan</li> </ul>
3	Projek 'Enhancement of Design & Technology and other technology subjects for Government Secondary Schools and Vocational & Technical'			✓	<p><b>OBJEKTIF</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Melengkapkan semua sekolah menengah dengan peralatan dan mesin seperti yang digunakan oleh sekolah-sekolah di luar negara.</li> <li>Memberikan pendedahan kepada guru-guru dan pelajar-pelajar terhadap penggunaan perisian Auto CAD/CAM dan penggunaan mesin-mesin yang terkini</li> <li>Membantu guru-guru mempelbagaikan teknik pengajaran yang lebih berkesan dan menarik perhatian pelajar, terutama sekali dalam bidang kejuruteraan dan reka cipta</li> <li>Menyediakan pelajar dengan 'platform' bagi menghasilkan rekabentuk yang lebih kreatif, aerodinamik dan marketable</li> <li>Untuk menarik minat dan merangsang rasa ingin tahu dan dapat memberikan peluang untuk meningkatkan pencapaian-pencapaian pelajar dalam beberapa mata pelajaran teknikal yang lain</li> </ul>	Projek ini dilaksanakan selama empat fasa. Sejumlah 31 buah sekolah menengah termasuk juga Institut Vokasional dan Teknikal dan Pengajian Tinggi dilibatkan. Projek ini dilaksanakan dengan tujuan untuk menaif taraf mata pelajaran Design & Technology dan mata pelajaran teknikal yang lain seperti Business, Art & Technology (BAT). Melalui projek ini juga akan dapat meningkatkan kefahaman pelajar-pelajar dalam mata pelajaran seperti Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dan juga mata-mata pelajaran yang lain seperti keusahawanan, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Selain itu projek ini memberikan pendedahan dan bimbingan kepada guru-guru mengenai pelbagai pedagogi pengajaran, pengetahuan dan juga memberikan kemahiran kepada guru-guru dan pelajar-pelajar di Negara Brunei Darussalam.

4	Projek Penerbitan Siri Bacaan Sejarah Kesultanan Brunei Tahun 4		<p><b>OBJEKTIF</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Menggalakkan minat suka membaca dalam kalangan murid bagi mendokong dan merealisasikan Wawasan Brunei 2035, ke arah meningkatkan kemahiran Literasi dan Numerasi murid-murid di Negara ini.</li> <li>● Memupuk dan mengukuhkan semangat cintakan tanah air, agama, raja dan negara bagi menampung elemen-elemen sejarah dalam mata pelajaran studies.</li> </ul> <p><b>SASARAN</b> Pelakar Tahun 4</p>	Sebanyak 5 buah buku siri bacaan sejarah kesultanan Brunei telah diterbitkan bagi pelajar-pelajar tahun 4, bertajuk:- 1) Sultan Muhammad Shah 2) Hubungan Awal Brunei-China 3) Sultan Sharif Ali: Sultan Berkat 4) Sultan Bolkiah: Nakhoda Ragam 5) Sultan Abdul Kahar, Marhum Keramat
5	Kaji Selidik Keberkesanan Penghayatan Pendidikan Melayu Islam Beraja, di Sekolah-Sekolah Menengah Senegara		<p><b>OBJEKTIF</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Mengetahui kedudukan sebenar keberkesanan pendidikan MIB kepada pelajar sekolah menengah senegara setelah melihat hasil pembelajaran iaitu sesi pengetahuan, kefahaman, penghayatan dan amalan hidup seharian.</li> <li>● Mengenalpasti langkah-langkah dan saranan terbaik bagi meningkatkan dan mengukuhkan pengajaran MIB dari perspektif oentadbir, guru dan ibu bapa</li> </ul>	Kaji selidik bertujuan untuk melihat jati dan identiti pelajar selaku warganegara Brunei; menunjukkan rasa cinta kepada agama, bangsa dan raja; mendukung dan mengamalkan nilai-nilai Islam disamping menyumbang secara positif kearah kemajuan masyarakat, menunjukkan sifat penyayang dan menjadi masyarakat yang bertanggungjawab.
6	Projek Inisiatif Numerasi: Memperkasa Pedagogi Guru Matematik Rendah dan Menengah		<p><b>OBJEKTIF</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Mendapatkan maklumat tahap pengetahuan kandungan pedagogi guru-guru matematik dan sikap mereka terhadap mengajar matematik.</li> <li>● Meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran matematik</li> <li>● Meningkatkan pencapaian para pelajar dalam matematik ketahap yang lebih baik</li> <li>● Memperkasa pengetahuan dan kemahiran pedagogi guru-guru matematik.</li> </ul> <p><b>SASARAN</b> 1. 550 guru matematik sekolah rendah 2. 150 guru matematik sekolah menengah tahun 7 dan tahun 8</p>	Projek ini menjurus kepada perkembangan profesional guru matematik sekolah rendah dan menengah dan disokong dengan bahan kurikulum yang selari dengan perisian perkembangan profesional guru-guru
<b>JABATAN PENDIDIKAN KO-KURIKULUM</b>				
7	Perkampungan Belia Melayu Islam Beraja bagi Pasukan-Pasukan Beruniform Sekolah-Sekolah Menengah, Maktab-Maktab dan Pendidikan Swasta Senegara, Tahun 2015.		<p><b>OBJEKTIF</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Mempelbagaikan kadeah mempromosi Falsafah Negara, Konsep Melayu Islam Beraja kepada belia remaja di peringkat sekolah</li> <li>● Menyerapkan ideologi MIB kedalam jiwa pelajar, khususnya ahli - ahli pasukan beruniform</li> <li>● Menjadikan ahli-ahli pasukan beruniform sebagai <i>agent</i> mempengaruhi pelajar lain atau rakan sebaya mereka ke arah konsep MIB atau Belia Cinta Negara</li> <li>● Menghimpunkan ahli-ahli pasukan beruniform dalam satu perkampungan MIB yang terdiri dari Pasukan Kadet tentera, Kadet Polis, Kadet Bomba dan Penyelamat, Pasukan Pengakap, Pasukan Pandu Puteri dan Pasukan Bulan Sabit Merah</li> <li>● Menghimpunkan lebih kurang 500 peserta belia, pelajar dan guru pengawas</li> </ul>	Merupakan satu strategi atau kaedah terbaik bagi menanam asas nilai-nilai murni yang terkandung dalam Konsep Melayu Islam Beraja kepada para remaja yang bergiat aktif dalam pasukan-pasukan beruniform. Projek diunggayahkan dengan kerjasama Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja, UBD bersama Unit Beruniform dan Perkhidmatan Kemasyarakatan, JPKK yang bertindak sebagai pengendali keseluruhan aktiviti. Pasukan-pasukan Beruniform yang terlibat ialah Pasukan Kadet Tentera, Pasukan Kadet Polis Diraja Brunei, Pasukan Kadet Bomba dan Penyelamat, Pasukan Pengakap, Pasukan Bulan Sabit Merah dan Pasukan Pandu Puteri dengan jumlah peserta, guru pengawas dan ahli jawatankuasa seramai lebih kurang 500 orang.
8	Jambori Pengakap Tunas kali ke-4, Negara Brunei Darussalam		<p><b>OBJEKTIF</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Memberikan peluang kepada pengakap tunas dalam menimba pengalaman serta boleh mengaplikasikan pembelajaran ilmu pengakap.</li> <li>● Menarik minat dan menggalakkan secara sihat di kalangan ahli pengakap tunas</li> <li>● Mengukuhkan bakat dan kemahiran dalam berpengakap serta mencetus minda yang berdaya maju</li> <li>● Membina dan mengasah jati diri serta membina sifat-sifat kepimpinan dari peringkat akar umbi</li> </ul> <p><b>SASARAN</b> KPI bilangan penyertaan adalah 300 peserta dan bilangan penyertaan yang dicatatkan adalah 306 peserta.</p>	Program ini diadakan khusus bagi pengakap tunas yang berumur 7 hingga 11 tahun yang masih bersekolah di peringkat sekolah rendah. Ianya menggalakkan perkembangan jasmani, pemikiran, pergaulan, rohani dan emosi di kalangan kanak-kanak peringkat umur rendah sebagai pengakap tunas. Pelajar-pelajar dilatih dengan nilai-nilai murni untuk menjadikan warganegara yang berguna kepada diri sendiri, keluarga, masyarakat, agama dan negara. Program ini memberikan pelajaran dan aktiviti kemahiran yang tidak didapati di dalam bilik darjah. Program ini adalah salah satu daripada latihan yang berterusan bagi semua peringkat bahagian pergerakan pengakap sehingga ke peringkat sebagai pemimpin pengakap.

9	Penubuhan Bahagian Strategik dan Perhubungan Maklumat Jabatan Pendidikan Kokurikulum		✓	<p><b>OBJEKTIF</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Bahagian ini ditubuhkan bagi mempercepatkan dan memudahkan pengumpulan maklumat-maklumat hal ehwal penting jabatan</li> <li>● Melancarkan pengendalian urusan-urusan jabatan seperti Dasar, MMN, SPN21, INEIS, EGNC, SEPADU dan seumpamanya.</li> <li>● Melaksanakan hal ehwal urusan ICT dan media lebih bersistem dan teratur</li> <li>● Mengumpul dan mengemaskini maklumat mengenai tugas-tugas utama (core business) jabatan dan hubungan dengan agensi pertubuhan tertentu dalam dan luar negara</li> </ul>	<p>Penubuhan Bahagian Strategik dan Perhubungan Maklumat adalah untuk memantapkan lagi urusan pengumpulan maklumat-maklumat penting jabatan dan bertanggungjawab dalam hal ehwal ICT dan media. Bahagian ini diletakkan dibawah Pejabat Pengarah dan ianya membantu Pengarah dan Penolong Pengarah dalam mendapatkan maklumat-maklumat berhubungkait dengan dasar, pelaksanaan dan perkembangan dalam kokurikulum, maklumat-maklumat yang diperlukan oleh Jabatan-Jabatan di bawah Kementerian Pendidikan, Kementerian-Kementerian dan pihak NGO. Bahagian ini juga bertanggungjawab dalam urusan-urusan ICT jabatan serta permohonan liputan / laporan media yang diperlukan dalam urusan-urusan aktiviti jabatan.</p>
<b>JABATAN KENAZIRAN SEKOLAH-SEKOLAH</b>					
10	Projek Penilaian Pelaksanaan BTS / <i>BTS Implementation Evaluation Project</i>		✓	<p><b>OBJEKTIF</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Mengukur Impak dan keberkesanan BTS.</li> <li>2) Melaporkan hasil penilaian kepada Menteri Pendidikan dan pihak atasan</li> <li>3) Merangka Strategi penambahbaikan yang dikenalpasti sebagai memerlukan tindakan segera untuk memastikan inisiatif BTS berjaya</li> <li>4) Melibatkan nazir-nazir dalam penilaian ini dan menggalakkan perkembangan profesional.</li> </ol> <p><b>SASARAN</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Melibatkan konsultan / perunding antarabangsa dan semua pegawai / nazir untuk mengambil bahagian secara aktif dalam projek penilaian</li> <li>2) Melibatkan konsultan / perunding antarabangsa untuk menyediakan latihan separuh hari dan sesi dialog untuk meningkatkan pengetahuan profesional dan kemahiran nazir-nazir</li> </ol> <p><b>KPIs:</b> Pelaksanaan BTS-TPA mantap secara keseluruhan pada 2017</p>	<p>Penilaian pelaksanaan BTS adalah bahagian terakhir dalam projek BTS. Sebahagian daripada program ini adalah kualitatif (temu bual dan pencerapan pengajaran) dan kuantitatif (soal selidik) untuk menilai impak dan kemajuan BTS selepas pelancarannya pada bulan Ogos 2014 serta pelaksanaan TPA sepenuhnya pada awal tahun 2016.</p>
11	Sistem Penilaian Prestasi Guru / <i>Teacher Performance Appraisal (TPA) System</i>		✓	<p><b>OBJEKTIF</b></p> <p>Tujuan utama sistem ini dibentuk ialah bagi:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Mengukur kemajuan dan impak pelaksanaan BTS sejak 2015</li> <li>2) Membangunkan kursus-kursus perkembangan profesional pengajaran</li> <li>3) Membantu guru untuk meningkatkan tahap profesionalisme seterusnya</li> <li>4) Memberi ganjaran dan penghargaan atas usaha dan pencapaian guru-guru</li> </ol> <p><b>SASARAN</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Beberapa siri bengkel latihan TPA</li> <li>2) Amalan harian sekolah</li> </ol> <p><b>KPIs</b> Menjelang tahun 2020, prestasi 30% orang guru sekolah di Negara Brunei Darussalam meningkat daripada gred 1-2 (tidak memuaskan dan memuaskan) kepada gred 3 (baik)</p>	<p>Sistem TPA dibentuk untuk memprofil standard dan kualiti pengajaran bagi setiap individu guru, terutama mereka yang mengajar di sekolah-sekolah kerajaan. Hasil penilaian itu bertujuan untuk perkembangan prestasi mereka ke tahap yang lebih tinggi seperti yang digambarkan dalam rekod pencapaian dan hasil pembelajaran pelajar. Sistem ini juga menyediakan sumber data yang boleh dipercayai dan sah untuk anugerah prestasi pengajaran yang sangat baik dan cemerlang.</p>

12	Pewujudan dan Perlantikan 12 OrangKketua Kluster Nazir/ <i>The Establishment and Appointment of 12 Cluster Lead Inspectors</i>			<p><b>OBJEKTIF</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Bertanggungjawab untuk berkomunikasi / berhubung dengan semua pemimpin sekolah di setiap kluster bagi perkara yang berkaitan dengan BTS-TPA atau sebaliknya</li> <li>2) Bertanggungjawab untuk memimpin ahli kumpulan mengenai isu berbangkit khususnya BTS dan TPA</li> <li>3) Bertanggungjawab untuk memastikan semua sekolah melaksanakan TPA mengikut protokol yang betul seperti yang digariskan dalam buku panduan TPA.</li> <li>4) Mengumpul dan menganalisa borang TPA yang telah selesai dibuat oleh pihak sekolah bersama-sama dengan ahli-ahli pasukan</li> <li>5) Memberi maklum balas kepada sekolah-sekolah mengenai kualiti TPA yang dihasilkan</li> <li>6) Memberi sokongan, nasihat dan bimbingan berkaitan dengan BTS-TPA dan apa jua penambahbaikan dan inisiatif perkembangan sekolah.</li> </ol> <p><b>Sasaran</b></p> <p>Semua ketua kluster mempunyai kefahaman yang mantap dan yakin dalam memberi sokongan dan bimbingan kepada pihak sekolah</p> <p><b>KPIs</b></p> <p>Semua sekolah dapat menggunakan BTS-TPA dengan baik</p>	Ketua kluster nazir dan ahli kumpulan bertanggungjawab untuk memberi khidmat sokongan kepada pihak sekolah serta menyelia kemajuan dan perkembangan kecekapan pengajaran BTS dan pelaksanaan sistem TPA.
<b>JABATAN PERANCANGAN, PERKEMBANGAN DAN PENYELIDIKAN</b>					
13	<i>Programme For International Student (PISA) 2018 Programme for International Student Assessment (PISA) - Based Test for Schools (PBTS) 2016</i>			<p><b>OBJEKTIF</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengenalpasti tahap pencapaian literasi dan numerasi dikalangan pelajar-pelajar</li> <li>2. Penandaarasan prestasi-prestasi sekolah-sekolah di Brunei Darussalam berbanding dengan prestasi sekolah-sekolah di peringkat antarabangsa</li> <li>3. Menyokong dalam usaha-usaha pembaikan sekolah (<i>school improvement efforts</i>) terutama dari aspek pengajaran dan pembelajaran</li> <li>4. Menyokong kepada peningkatan peringkat literasi dan numerasi pelajar melalui program-program intervensi</li> <li>5. Menilai keberkesanan SPN21 dan membuat penambahbaikan sistem pendidikan</li> <li>6. Menyokong kepada pencapaian sasaran Kementerian Pendidikan (<i>target check-point</i>) bagi Brunei Darussalam mendapat kedudukan 50 teratas dalam PISA 2018</li> </ol>	<p>Kementerian Pendidikan sedang gigih meningkatkan kualiti pendidikan di semua peringkat iaitu rendah, menengah, pasca menengah, pendidikan teknikal &amp; vokasional serta pengajian tinggi. Ini adalah bertepatan dengan visi Kementerian Pendidikan iaitu "<b>Pendidikan Berkualiti Ke Arah Negara yang Membangun, Aman dan Sejahtera</b>" serta misinya "<b>Untuk Memberikan Pendidikan yang Holistik (Sempurna) Bagi Mencapai Potensi yang Menyeluruh untuk Semua.</b>"</p> <p>Kementerian Pendidikan telah meletakkan matlamat <i>Target Checkpoint</i> untuk mencapai kedudukan ke-50 ke atas dalam PISA 2018. PISA adalah kajian antarabangsa yang dikendalikan oleh <i>Organization of Economic Co-Operation dan Development</i> (OECD) sejak tahun 1997. PISA menilai sistem pendidikan antarabangsa setiap tiga (3) tahun dengan menganalisa kompetensi pelajar berumur 15 tahun dalam Matematik, bacaan Bahasa Inggeris dan Sains.</p> <p>Projek dalam bentuk ujian dan kajiselidik ini akan melibatkan semua pelajar sekolah menengah yang berumur 15 tahun pada tahun kajian dilaksanakan. Untuk mencapai matlamat tersebut, Kementerian Pendidikan sedang membuat persediaan awal iaitu dengan menyertai PISA-Based Test for Schools (PBTS) pada tahun 2016. PBTS adalah juga satu program di bawah pengendalian OECD yang merupakan alat penilaian pelajar-pelajar di sekolah-sekolah yang boleh digunakan untuk membuat penyelidikan dan penanda aras ke arah usaha-usaha pembaikan sekolah (<i>school improvement</i>)</p>

JABATAN PENDIDIKAN TEKNIK					
14	Penubuhan Dua Rangkaian Sekolah ( <i>TWO NETWORK OF SCHOOLS</i> )		✓	<p><b>SASARAN</b></p> <p>i) <b>Kadar 'Employability' Graduan (Bekerja sendiri &amp; Bekerja)</b> Peratusan graduan yang bekerja 6 bulan selepas konvokesyen dari IBTE (80% pada 2017)</p> <p>ii) <b>Kadar Kepuasan majikan terhadap graduan</b> - Peratusan majikan yang berpuas hati dengan kerja dan prestasi graduan IBTE setahun selepas konvokesyen (70% pada 2017)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Transformasi Pendidikan Teknik adalah salah satu daripada tujuh inisiatif induk (<i>Grand Initiative, GI</i>) yang mendokong pelan Strategik Kementerian Pendidikan 2012-2017</li> <li>Transformasi Pendidikan Teknik merupakan suatu usaha kepada penyusunan semula (<i>re-aligning</i>) sistem Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) yang lebih menjurus kepada sistem pasca pendidikan menengah (<i>post secondary education</i>) yang responsif dan relevan kepada keperluan Negara. Sistem PTV yang baru ini dijana berdasarkan kehendak (<i>demand driven</i>) sumber tenaga manusia yang responsif kepada pelbagai inisiatif pihak kerajaan dan berkolaborasi dengan industri bagi menginovasikan pengajaran dan pembelajaran untuk menghasilkan tenaga mahir yang bersifat keusahawanan.</li> <li>Salah satu inisiatif strategik transformasi pendidikan teknik Negara Brunei Darussalam ialah meningkatkan imej pendidikan teknikal dan vokasional dengan penjenamaan yang lebih sesuai yang mencerminkan kepentingan pendidikan teknikal dan vokasional dalam pembangunan negara serta untuk memberikan imej pendidikan teknik yang lebih positif kepada pelajar-pelajar dan orang ramai.</li> </ul> <p>Penubuhan Dua Rangkaian Sekolah ataupun '<i>Two Network of Schools</i>' adalah bermatlamat untuk memberikan pengurusan yang efektif dan efisien kepada institusi-institusi dibawah IBTE serta akan memudahkan perkongsian sumber, baik dari segi infrastruktur mahupun sumber tenaga manusia. Ini akan memberikan '<i>cost - efficient</i>' didalam pengendalian operasi institusi-institusi berkenaan dan penggunaan sumber yang lebih teratur serta akan mendatangkan kebaikan dari segi '<i>economies of scale</i>'.</p>
POLITEKNIK BRUNEI					
15	Pusat Perkembangan dan Inovasi Pelajar (CSDI), Politeknik Brunei		✓	<p><b>OBJEKTIF</b> Memperkembangkan potensi semula jadi pelajar dengan pengalaman dan pembelajaran untuk menjadi masyarakat pemimpin lebih kreatif dan berinovasi dengan dibekalkan dengan program - progra teras kemahiran <i>enrichment</i></p> <p><b>VISI:</b> Memperkembangkan potensi, kecekapan dan "<i>life skills</i>" pelajar-pelajar.</p> <p><b>MISSION:</b> Menyediakan pelajar melalui penglibatan kepada program-program teras <i>enrichment</i> .</p>	<p>Module Enrichment adalah salah satu daripada module wajib bagi Diploma level 5 Politeknik Brunei. Module ini menawarkan program-program teras kemahiran <i>enrichment</i> di luar bilik darjah/non akademik iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Program Kepimpinan</li> <li>Program Perkembangan Kendiri</li> <li>Program Kecemerlangan Ko-kurikulum</li> <li>Program Penglibatan Sivik dan Hal Ehwal Kemasyarakatan.</li> </ul>
16	Membangunkan Sistem Pengurusan Pembelajaran, atau <i>Learning Management System</i>		✓	<p>Membolehkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan dengan lebih fleksibel dengan menggunakan pedagogi yang lebih interaktif</p>	<p>Penggunaan teknologi terkini adalah tumpuan utama dalam falsafah '<i>Blended Teaching and Learning</i>' di PB. LMS adalah platforme-<i>learning</i> yang akan menyediakan alat yang diperlukan untuk menyokong falsafah ini. Sistem ini akan membolehkan arahan <i>face-to face</i> untuk digabungkan dengan aktiviti teknologi-pengantara yang mana akan membolehkan penggunaan pedagogi arahan dalam talian (<i>online</i>) yang lebih interaktif. LMS akan mengubah persekitaran pengajaran dan pembelajaran semasa dengan menjadikannya lebih fleksible dan boleh diakses pada bila-bila masa dan tempat.</p>

17	Mempromosikan Imej Korporat Politeknik Brunei (PB)		✓	<p><b>OBJEKTIF</b> Menyediakan maklumat yang tepat dan terkini bagi tujuan untuk memberikan kefahaman kepada orang ramai mengenai sistem pendidikan tinggi teknikal dan kelulusan yang ditawarkan oleh PB</p>	<p>Dengan sentiasa mengadakan perhubungan dengan pihak-pihak berkepentingan, semua pihak berkepentingan diharapkan akan mendapatkan maklumat yang tepat dan terkini. Ini akan membolehkan pihak PB untuk mengikuti keperluan dan tuntutan pekerjaan tempatan yang terkini. Sebagai sebuah institusi baru, adalah penting bagi politeknik Brunei untuk membina imej yang positif dalam bidang pendidikan tinggi teknikal.</p>
18	Mengukuhkan kerjasama Industri		✓	<p><b>OBJEKTIF</b> Membolehkan penyediaan program-program berkaitan yang sesuai dengan keperluan industri serta memenuhi permintaan ekonomi dan juga memperuntukkan sumber-sumber dengan lebih cekap dan berkesan</p>	<p>Penglibatan dan perhubungan dengan pihak berkepentingan adalah penting dalam memastikan PB terus menyediakan program-program yang berkaitan yang sesuai dengan keperluan industri dan memenuhi permintaan ekonomi. Mengukuhkan perkongsian dengan industri yang berkaitan adalah penting untuk menjadikan PB sebagai institusi teknikal yang dinamik dan progresif. Beberapa Memorandum persefahaman, atau <i>Memorandum of Understandings</i> (MoU) dengan Industri tempatan yang berkaitan telah di tandatangani dan banyak lagi dalam perancangan, termasuk agensi-agensi di luar negara, untuk membantu mengukuhkan kerjasama dan perkongsian yang sedia ada. Ini seterusnya akan membantu PB untuk merancang dan membangunkan program-program dan memperuntukkan sumber-sumber dengan lebih cekap dan berkesan.</p>